

Semua MB, KM dilantik Pengerusi

Perhubungan UMNO - 4 JAN 2000

KUALA LUMPUR 3 Jan. —
Majlis Tertinggi (MT)
UMNO hari ini melantik
semua Menteri Besar dan
Ketua Menteri sebagai Pe-
ngerusi Badan Perhubung-
an UMNO negeri berkuat
kuasa hari ini.

Presiden UMNO, Datuk
Seri Dr. Mahathir Moha-
mad berkata, Negeri Pa-
hang, Melaka, Kedah dan
Perak akan mendapat Pe-
ngerusi Badan Perhubung-
an UMNO baru manakala
negeri-negeri lain kekal.

Beliau turut mengesah-
kan pelantikan Datuk Seri
Abdullah Ahmad Badawi
dan Tengku Razaleigh
Hamzah, masing-masing
sebagai Pengerusi Perhu-
bungan UMNO Terengga-
nu dan Kelantan.

“Jawatan Timbalan Pe-
ngerusi Perhubungan UM-
NO Negeri akan ditentu-
kan selepas pemilihan parti
11 Mei ini,” kata Perdana
Menteri selepas mempe-
ngerusikan mesyuarat
Majlis Tertinggi (MT)
UMNO di Ibu Pejabat UM-
NO di sini.

Keputusan yang dibuat
oleh MT hari ini bermakna
jawatan Pengerusi Perhu-
bungan U M N O Pahang
yang sebelum ini disan-
dang oleh Setiausaha Agun-
g UMNO, Tan Sri Khalil
Yaakob diambil alih oleh
Menteri Besar, Datuk Ad-
nan Yaakob.

Di Melaka, Datuk Wira
Mohd. Ah Rustam meng-
gantikan Datuk Seri Abu
Zahar Isnin; Datuk Syed
Razak Syed Zain mengam-
bil alih jawatan Pengerusi
Perhubungan Kedah dari-
pada Tan Sri Sanusi Junid
manakala di Perak Datuk
Seri Tajol Rosh Ghazali
menggantikan Tan Sri
Ramli Ngah Talib.

Keempat-empat bekas
Pengerusi Perhubungan
UMNO negeri berkenaan
terbabit dalam susunan
baru kabinet baru-baru ini
selepas Barisan Nasional
(BN) kembali membentuk
kerajaan pada pilihan raya
umum lalu.